



Tertekan sering dicemuh

Pelajar sedih tak dapat membanggakan ibu bapa

SAYA berusia 20 tahun dan pelajar tahun pertama kursus ijazah di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Sebelum ini, saya bercita-cita menjadi doktor gigi.

Disebabkan keputusan di matrikulasi gagal menepati syarat, saya terpaksa melupakan cita-cita dan memilih untuk melanjutkan pengajian ijazah dalam bidang yang sangat berlainan dengan bidang perubatan.

Bagaimanapun, sehingga sekarang saya masih lagi berasa tertekan apabila sepupu saya yang lain dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan akan bergelar doktor.

Mereka dipandang tinggi dan dibanggakan ibu bapa mereka dan jiran sekeliling.

Saya sedih kerana tidak dapat membanggakan ibu bapa saya seperti sepupu yang lain membanggakan keluarga mereka, apatah lagi bidang kedokteran dipandang tinggi masyarakat.

Ibu saudara saya kerap bertanya apakah pekerjaan yang akan saya lakukan selepas menghabiskan ijazah memandangkan kursus yang diambil tidak menjanjikan pekerjaan yang tetap seperti doktor mahupun jurutera.

Justeru, saya harap Dr dapat membantu saya bagaimana untuk menghilangkan rasa tekanan yang dihadapi ini.

Pelajar Disisih,
Kelantan

Jawapan

Dr ucapkan tahniah kerana adik berjaya menjadi warga menara gading. Kejayaan ini membuktikan adik berpotensi berjaya dalam pelajaran. Mencari ilmu dituntut dalam hidup kerana ilmu dan kepandaian itu adalah sahabat yang setia dalam hidup sehingga akhir hayat.

Dr dapat menyelami tekanan yang adik rasai. Walaupun bergelar mahasiswa, gagal memenuhi jangkaan orang lain mengganggu pemikiran. Dengan gagal memasuki pengajian bidang pergigian, jangkaan adik ialah gagal membanggakan ibu bapa dan gelap masa depan. Ubah pemikiran tidak rasional ini.

Memang, ibu bapa sering kali mempunyai harapan tertentu terhadap anak mereka. Niat mereka ialah melihat anak berjaya dalam kehidupan. Ibu bapa juga, walaupun kecewa apabila anak tidak dapat memenuhi harapan, sering kali akan menerima hakikat apa yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Walaupun perit untuk ditelan, kasih sayang terhadap anak selalunya membuat mereka menerima kenyataan bahawa dalam hidup ini, apa yang diinginkan tidak akan selalu diperoleh. Selalunya, ibu bapa dapat memahami kemampuan anak mereka dan lambat laun akan bersifat realistik.

Dalam konteks pemilihan pengajian adik, ia banyak bergantung kepada minat, bakat, personaliti, kemahiran atau pencapaian yang ada. Ia juga bergantung kepada peluang. Walaupun adik bercita-cita untuk menjadi seorang doktor gigi, faktor seperti peluang di IPTA membataskan pemilihan adik itu. Selain dari IPTA, bidang pengajian pergigian juga boleh diikuti di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Pelajar boleh memohon pinjaman untuk melanjutkan pengajian dalam bidang ini di IPTS.

Menjadi doktor memang dipandang tinggi. Tugasnya

mulia. Bagaimanapun, setiap pekerjaan halal perlu dihormati dan mulia kerana setiap pekerjaan itu mempunyai fungsi dan peranan tertentu. Guru mendidik bangsa. Pasukan keselamatan menjaga keamanan dan kedaulatan negara. Pemimpin mentadbir negara. Suri rumah menjaga kesejahteraan keluarga. Begitu juga pekerjaan lain yang masing-masing ada peranannya.

Rasa hormat kepada satu pekerjaan juga bergantung kepada bagaimana sesuatu pekerjaan itu dijalankan. Apa pun pekerjaan yang akan adik ceburi nanti, lakukannya dengan penuh tanggungjawab, bersifat amanah, rajin serta tidak melanggar syariat agama.

Adik merasakan gagal membanggakan ibu bapa dengan tidak menjadi doktor gigi. Banyak cara lain yang boleh adik lakukan dalam usaha menggemirakan hati ibu dan ayah. Adik boleh membanggakan mereka dengan mencuba sedaya upaya dalam apa yang adik lakukan. Ini termasuk dalam bidang pengajian yang adik sedang ikuti sekarang.

Kata-kata hikmah iaitu jadikan sebagai aturan hidup untuk melakukan yang terbaik dalam apa jua yang dilakukan semoga dapat memberi motivasi kepada adik. Kecemerlangan juga adalah hasil daripada

sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik. Ia akan menghasilkan kecemerlangan.

Adik juga boleh membanggakan ibu bapa dengan berbuat baik kepada mereka.

Dalam a-Quran Allah berfirman: "Dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa, jika salah seorang daripada keduanya, atau keduanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan pemeliharaanmu, maka janganlah engkau menengking, menyerah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia" (Surah Al-Isra' ayat 23). Jika ibu bapa reda pada kita, Allah juga akan reda dan kejayaan insya-Allah akan hampir pada kita.

Mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian bergantung kepada banyak faktor. Kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, sifat kepemimpinan, kemahiran menguasai banyak bahasa, bijak menyelesaikan masalah serta pencapaian akademik antara faktor penting dalam mencari kerja.

Jika ibu saudara masih lagi bertanya apakah pekerjaan yang akan adik lakukan selepas menghabiskan ijazah, jelaskan rezeki ditentukan Tuhan. Selagi mana manusia berusaha dan tidak berputus asa, akan ada pekerjaan baginya.

Kekasih cerewet

SAYA sedang menyambut pelajaran di universiti dan mempunyai teman lelaki sebaya. Masalahnya, dia banyak meletakkan syarat dalam perhubungan kami. Contohnya, saya tidak boleh berkawan dengan orang lain.

Selain itu, saya mesti memakai pakaian yang disukainya. Banyak lagi perkara lain yang dia letakkan syarat.

Kadangkala saya rasa kekasih itu terlalu cerewet. Saya sayangkan dia tapi tidak suka dengan sikapnya yang asyik meletakkan syarat. Saya juga takut jodoh kami tidak lama.

Anti Cerewet,
Kuala Lumpur

Jawapan

Meletakkan syarat antara bibit halangan kepada cinta. Kata cinta iaitu 'permulaan cinta adalah membiarkan orang yang kamu cintai menjadi dirinya sendiri dan tidak merubahnya menjadi gambaran yang kamu inginkan. Jika tidak, kamu hanya mencintai pantulan diri sendiri yang kamu temukan di dalam dirinya' ada kebenarannya.

Jika kekasih benar-benar ikhlas, dia perlu berkorban dan membantu orang yang disayangi dalam melakukan kebaikan dalam kehidupan.

Selagi tingkah laku adik tidak melanggar larangan agama dan tatasusila kehidupan, terlalu bersyarat dalam bercinta membina dinding dalam perhubungan.

Adik perlu jadi seperti yang adik inginkan kerana adik hanya memiliki satu kehidupan dan satu kesempatan untuk melakukan perkara yang ingin dilakukan. Berbin-cang secara baik dengan teman lelaki mengenai perkara ini.

Soal jodoh, ia ketentuan Tuhan. Kalau ada jodoh akan bertemu jua. Bak kata pepatah, asam di darat ikan di laut, dalam belanga bertemu jua.